

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(88)
Tarikh : 17 Mei 2023

KENYATAAN MEDIA OLEH YB LIM GUAN ENG ADUN AIR PUTIH

MAJLIS PELANCARAN WALL ART @ STESEN BAWAH BUKIT BENDERA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) melancarkan Wall Art @ Stesen Bawah Bukit Bendera hari ini, sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera.

Wall Art @ Stesen Bawah Bukit Bendera merupakan kerjasama antara PBBPP dan Equator College Penang yang telah menyahut cabaran menyiapkan mural yang memaparkan keindahan pemandangan Bukit Bendera, kekayaan flora dan fauna serta funikular.

Idea projek ini telah dimulakan pada tahun 2019 tetapi disebabkan oleh pandemik COVID-19, ia terpaksa ditangguhkan. Walau bagaimanapun, PBBPP berbesar hati melancarkan mural ini pada hari ini dan mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada salah sebuah kolej seni terkemuka di Pulau Pinang, Equator dan pelajarnya atas usaha dan dedikasi mereka dalam memacu pertumbuhan industri kreatif di Pulau Pinang.

Melalui projek ini, para pelajar dari Equator bukan sahaja berpeluang untuk menunjukkan kreativiti mereka tetapi dapat juga mempelajari tentang kekayaan warisan semula jadi, sejarah dan kepentingan budaya di Bukit Bendera. Ia adalah peluang terbaik untuk mereka menerokai “permata tersembunyi” di negeri ini dan memberi inspirasi bagi menghasilkan seni pada masa hadapan.

Memandangkan Galeri Stesen Bawah Bukit Bendera sudah pun menjadi tempat untuk seni kreatif, PBBPP berhasrat untuk mempromosikan seni melalui fasiliti-fasiliti dan mewujudkan ruang untuk peminat seni mempamerkan bakat mereka agar menjadi inovatif dalam mengekspresi artistik Rizab Biosfera Bukit Bendera.

PBBPP juga mempamerkan karya seni lain yang luar biasa dicipta oleh artis berbakat di Stesen Bawah Bukit Bendera. Monumen Seni Pin Nikel Bukit Bendera yang dihasilkan oleh Nason Ponniah merupakan seni pin nikel terbesar di dunia, yang terdiri daripada kira-kira 2,316,500 pin. Karya seni flora dan fauna Esther Geh yang cantik menghiasi tiang, manakala lukisan bertemakan alam semula jadi Thomas Powell menghiasi bumbung Stesen Bawah Bukit Bendera. Selain itu, arca *renewal* Fuan Wong, yang dihasilkan daripada bahagian yang tidak digunakan di dalam sistem funikular, menambahkan elemen kreatif yang unik pada kawasan itu.

Karya-karya yang luar biasa ini menunjukkan kepelbagaian dan keaslian seni di Bukit Bendera, dan PBBPP berbangga untuk menyokong dan mempromosikannya.

Dengan bekerjasama antara PBBPP dan bakat kreatif, PBBPP sentiasa membuka pintu kepada artis muda untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai platform untuk mempamerkan kreativiti mereka. Melalui inisiatif ini, PBBPP berhasrat untuk memberi inspirasi dan membuat pengunjung teruja dengan pelbagai ekspresi artistik yang dipamerkan.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my